

KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

PENGOPERASIAN SEKOLAH

SEMASA FENOMENA EL NINO DAN GELOMBANG HABA

Pemantauan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) terhadap cuaca kering dan panas yang sedang melanda negara sekarang mendapati beberapa daerah dan kawasan khususnya di utara semenanjung sehingga hari ini **30 Mac 2016** telah mencatat bacaan suhu tertinggi melebihi 37°C pada satu-satu masa, setiap hari dan melebihi 72 jam.

Sehubungan itu KPM ingin memaklumkan bahawa semua sekolah di negeri Perlis akan ditutup selama dua (2) hari iaitu pada 31 Mac 2016 dan 1 April 2016 (Khamis dan Jumaat) serta negeri Kedah akan ditutup selama satu (1) hari iaitu pada 31 Mac 2016 (Khamis). Penutupan ini adalah sebagai langkah penjagaan kesihatan murid semasa cuaca panas ini. Penutupan ini akan melibatkan sejumlah 853 buah sekolah iaitu 232 buah sekolah menengah dan 621 buah sekolah rendah. Manakala jumlah murid terlibat adalah seramai 413,786 orang iaitu 397,832 orang murid sekolah menengah dan rendah serta seramai 15,954 orang murid prasekolah.

KPM ingin menegaskan bahawa penutupan sekolah bagi maksud cuaca panas ini, ia hanyalah melibatkan ketidakhadiran murid-murid sahaja, dan penutupan tersebut juga adalah tidak perlu diganti. Sementara operasi pentadbiran sekolah, **KECUALI aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) murid, hendaklah berjalan seperti biasa. Semua guru dan kaki tangan sekolah hendaklah hadir ke sekolah masing-masing dan bertugas seperti biasa melaksanakan tugas dan tanggungjawab seperti mesyuarat, merancang PdP termasuklah tugas-tugas rutin dan lain-lain tugas yang tidak melibatkan murid-murid.**

Pihak Jabatan Pendidikan Negeri Kedah dan Perlis hendaklah mengadakan pemantauan bagi memastikan pematuhan terhadap arahan penutupan ini. Kerjasama para ibu bapa dan penjaga juga diminta untuk mengawal pergerakan dan aktiviti anak-anak di bawah jagaan masing-masing semasa tempoh penutupan sekolah ini. KPM juga akan membuat pemakluman dari semasa ke semasa terhadap sebarang perubahan berkaitan fenomena tersebut.

Terima kasih.

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
30 Mac 2016**